



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

---

#### PEMAKLUMAN PENGUATKUASAAN LARANGAN WAKTU TERHAD KENDERAAN BARANGAN BAGI JALAN-JALAN TERTENTU

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia mengambil perhatian berhubung isu kesesakan lalulintas, khasnya di Lembah Klang sejak kebelakangan ini. Pemantauan JPJ mendapati terdapat pergerakan kenderaan barang memasuki **laluan waktu terhad** ke Pusat Bandaraya pada waktu kemuncak iaitu pada **waktu pagi dan pada waktu petang**, yang turut menyumbang kepada **kesesakan lalulintas** dan **menjejaskan kelancaran aliran trafik** di Lembah Klang.



JPJ ingin menegaskan bahawa semua pengendali syarikat / pemandu kenderaan barang yang melibatkan kenderaan **Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 7,500 Kilogram ke atas** adalah **DILARANG** menggunakan jalan raya pada **bandar-bandar utama (LAMPIRAN 1)** yang secara umumnya diwartakan sekatan sekitar sekurang-kurangnya **5 kilometer dari pusat bandar**, bermula pada pintu masuk pusat bandar dengan meletakkan satu papan tanda khusus di mana dicatat waktu yang tidak dibenarkan masuk iaitu mulai jam **6.30 pagi hingga 9.30 pagi**. Manakala pada waktu petang bermula jam **4.30 petang hingga 7.30 petang**.

Justeru itu, JPJ ingin menasihatkan pengendali / pemandu syarikat pengangkutan kenderaan barang untuk memastikan pematuhan sepenuhnya kepada **Peraturan Larangan Waktu Terhad** yang telah diwartakan bagi jalan-jalan tertentu.

Penguatkuasaan bagi kesalahan sekatan larangan waktu larangan akan dikuatkuasakan berdasarkan peraturan di bawah **Subseksyen 79(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)** oleh **Pegawai Pengangkutan Jalan, Pegawai Polis atau Warden Trafik** dan sekiranya ingkar, tindakan kompaun boleh dikenakan dengan tidak **melebihi RM300** atau boleh didakwa di mahkamah yang mana denda yang boleh dikenakan **tidak kurang RM300 dan tidak melebihi RM2,000**.

KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA

2 JUN 2022

[ TAMAT ]

## LAMPIRAN 1

### KUALA LUMPUR

#### **Larangan pada waktu pagi dan petang**

**Pagi: 6.30 pagi hingga 9.30 pagi Petang  
: 4.30 petang hingga 7.30 petang**

1. Semua jalan di dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur.
2. Jalan Kuching, Kuala Lumpur sekatan bermula daripada Taman Wahyu, Jalan Ipoh hingga ke Pusat Bandar Kuala Lumpur.
3. Jalan Genting Klang sekatan bermula daripada TAR Kolej hingga ke Pusat Bandar Kuala Lumpur.
4. Jalan Cheras, sekatan bermula Taman Midah hingga ke Pusat Bandar Kuala Lumpur.
5. Lebuhraya PLUS – Sekatan bermula daripada R&R Rawang menghala ke Kuala Lumpur.
6. Lebuhraya PLUS – Sekatan bermula daripada Plaza Tol Bukit Raja, Klang, Selangor menghala ke Kuala Lumpur.
7. Jalan Tun Razak.
8. Jalan Istana.
9. Jalan Segambut.
10. Jalan Sentul.

### **Larangan pada waktu petang**

**Petang : 4.30 petang hingga 7.30 petang**

1. Jalan Kepong.
2. Jalan Ipoh – Dari Bulatan Kepong hingga Jalan Batu Caves.
3. Lebuhraya Karak.
4. Jalan Gombak – Dari Jalan Kampung Bandar Dalam hingga sempadan Kuala Lumpur.
5. Jalan Genting Kelang.
6. Jalan Cheras – Dari Jalan Pudu hingga Jalan Tenteram.
7. Jalan Sungai Besi - Dari Jalan Kuchai Lama hingga Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban.
8. Jalan Kelang Lama – Dari Lebuhraya Persekutuan hingga Jalan Kuchai Lama.

# *Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan)  
(Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) Bandaraya Kuala Lumpur 1994.*